

# **GARIS PANDUAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

## **1. PENDAHULUAN**

Bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perak (Jawatankuasa Pengawasan) menyediakan Garis Panduan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perak (Garis Panduan) bagi memperkemas dan menambah baik pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013.

## **2. PUNCA KUASA**

- 2.1 Garis panduan ini disediakan oleh Jawatankuasa Pengawasan menurut subperaturan 6 (2) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013 yang memperuntukkan seperti berikut –

*Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Jawatankuasa mengenakan apa-apa syarat berkenaan dengan sesuatu Tauliah Mengajar yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.*

- 2.2 Syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa Pengawasan hendaklah dipatuhi oleh pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perak (pemegang Tauliah Mengajar) berdasarkan subperaturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013 yang memperuntukkan seperti berikut –

*Seseorang yang diberi Tauliah Mengajar hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa dan apa-apa arahan Majlis yang dibuat di bawah peraturan 8.*

## **3. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini terpakai kepada pemegang Tauliah Mengajar.

## **4. TUJUAN**

- 4.1 Garis Panduan ini diwujudkan sebagai panduan pelaksanaan tempoh Tauliah Mengajar seperti berikut :

- 4.1.1 Sebagai syarat yang dikenakan kepada pemegang Tauliah Mengajar menurut subperaturan 6 (1) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013.
- 4.1.2 Menetapkan tempoh sah bagi pemegang Tauliah Mengajar yang menjalankan aktiviti pengajaran agama Islam di negeri Perak.
- 4.1.3 Membolehkan Jawatankuasa Pengawasan menilai semula kompetensi dan kelayakan serta mengawasi aktiviti pengajaran pemegang Tauliah Mengajar.
- 4.1.4 Membolehkan Jawatankuasa Pengawasan mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang atau syarat oleh pemegang Tauliah Mengajar.
- 4.1.5 Pemegang Tauliah Mengajar hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa Pengawasan menurut subperaturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013.

## **5. TEMPOH TAULIAH MENGAJAR**

Tauliah Mengajar yang dikeluarkan kepada pemegangnya adalah sah bagi tempoh lima (5) tahun serta boleh diperbaharui menurut syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengawasan.

## **6. SYARAT TAULIAH MENGAJAR**

- 6.1 Pemegang Tauliah Mengajar hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengawasan dan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS) dari semasa ke semasa.
- 6.2 Tauliah Mengajar boleh ditarik balik apabila, pada pandangan Jawatankuasa Pengawasan, pemegangnya -
  - i. dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah termasuk kesalahan jenayah syariah oleh mana-mana mahkamah;
  - ii. dikenakan tindakan akibat daripada prosiding sivil;
  - iii. dikenakan tindakan tatatertib di bawah mana-mana undang-undang;

- iv. diisytiharkan bankrap;
- v. terlibat dengan mana-mana pertubuhan termasuk kumpulan atau gerakan yang menyalahi undang-undang atau yang memudaratkan keselamatan negara atau bersalahan dengan fatwa;
- vi. gagal mengemukakan apa-apa dokumen yang disyaratkan dalam waktu yang ditetapkan;
- vii. disyaki tidak sempurna akal;
- viii. berkelakuan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam;
- ix. membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang boleh ditafsirkan dengan semunasabahnya sebagai menghina agama Islam atau mencemarkan MAJLIS;
- x. melanggar arahan MAJLIS, Mufti atau Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam;
- xi. adalah individu yang dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti mengajar atau bersyarah di mana-mana masjid dan surau yang berdaftar dalam negeri Perak seperti berikut –
  - (a) individu yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara (Parlimen Malaysia) atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri;
  - (b) individu yang memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
  - (c) individu yang bertanding mewakili mana-mana parti politik dalam pilihanraya umum dan pilihanraya kecil yang terakhir;
  - (d) individu yang telah bersara sebagai Ahli Dewan Negara (Parlimen Malaysia) atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri dan didapati aktif dalam mana-mana parti politik;

atau sekiranya Jawatankuasa Pengawasan berpuas hati bahawa terdapat sebab lain yang munasabah untuk Tauliah Mengajar ditarik balik.

## **7. PENARIKAN BALIK TAULIAH MENGAJAR**

Tauliah Mengajar boleh ditarik balik menurut subperaturan 10 (1) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013.

## **8. KESAN PENARIKAN BALIK**

8.1 Penarikan balik Tauliah Mengajar akibat pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengawasan tidak akan memberi apa-apa hak perundangan kepada pemegang Tauliah Mengajar untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa agama Islam negeri Perak termasuk Jawatankuasa Pengawasan.

8.2 Pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa agama Islam negeri Perak termasuk Jawatankuasa Pengawasan dan Pemegang Tauliah Mengajar adalah masing-masing tidak mempunyai kaitan, ikatan, tanggungan dan tanggungjawab sebagai majikan dan pekhidmat di bawah mana-mana undang-undang.

8.3 Butiran Tauliah Mengajar yang ditarik balik hendaklah direkodkan dalam Daftar Tauliah Mengajar Negeri Perak.

## **9. PEMBAHARUAN TAULIAH MENGAJAR**

Pemegang Tauliah Mengajar hendaklah memohon untuk membaharui Tauliah Mengajar tidak kurang daripada enam (6) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah Tauliah Mengajar dan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh sah Tauliah Mengajar, permohonan tersebut hendaklah dianggap sebagai suatu permohonan yang baharu.

## **10. PEMAKLUMAN**

Jawatankuasa Pengawasan hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Tauliah Mengajar berkenaan tempoh Tauliah Mengajar yang ditetapkan, syarat yang dikenakan, pelanggaran dan penarikan balik Tauliah Mengajar serta kesannya.

## **11. RUJUKAN UNDANG-UNDANG**

11.1 Sekiranya timbul kekeliruan dalam melaksanakan Garis Panduan ini, rujukan dan tafsiran hendaklah dibuat kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

11.2 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013.

## 12. **TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini mula berkuat kuasa pada tarikh 2 April 2024 bersamaan 22 Ramadan 1445.



**(SS. DATO' SERI HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH)**

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : **2 APRIL 2024**